

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF  
[ JEMPOL ]**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [ JEMPOL ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan tahap penggunaan teknologi yang digunakan oleh peladang, petani, penternak dan nelayan bagi meningkatkan hasil pengeluaran agar dapat mencapai tahap keberdikarian atau *self-sufficiency* bekalan makanan negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa komited dalam menggalakkan penggunaan teknologi dan kaedah pertanian terkini oleh peladang, penternak dan petani bagi meningkatkan hasil pengeluaran sekali gus mencapai tahap sara diri serta menjamin sekuriti makanan negara.

Dalam usaha meningkatkan penggunaan teknologi, Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) selaku agensi penyelidikan bagi sektor agromakanan telah melaksanakan beberapa kajian berkenaan tahap penggunaan teknologi bagi subsektor terpilih seperti tanaman serta ternakan dan mendapati bahawa secara umumnya penggunaan teknologi dalam sektor agromakanan adalah sederhana. Oleh itu, memandangkan penggunaan teknologi dilihat dapat meningkatkan produktiviti seterusnya meningkatkan *self sufficiency level* (SSL) sektor agromakanan, agenda pemodenan sektor agromakanan menjadi tumpuan utama dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN2.0) di bawah Teras Dasar 1: Mendukung Modenisasi dan Pertanian Pintar.

Bagi sektor tanaman, Jabatan Pertanian telah diluluskan peruntukan sebanyak RM232 juta di bawah RMKe-12 bagi meningkatkan penggunaan teknologi iaitu kepada sistem pengairan pintar menggunakan *Internet of Things* (IoT), perolehan jentera, mesin dan aplikasi pertanian pintar yang turut melibatkan pengusaha dan petani di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) terpilih di seluruh negara. Jabatan Pertanian akan terus memberikan khidmat nasihat teknikal kepada para petani berkenaan teknologi moden yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan hasil pengeluaran.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) pula telah memperkenalkan kaedah penternakan moden dan berteknologi tinggi dalam komoditi ternakan unggas, ruminan dan juga khinzir melalui seminar mahupun sesi konsultasi kepada golongan sasaran di peringkat negeri. Sebagai contoh, penggunaan sistem reban tertutup (*closed-house system*) bagi ternakan

ayam yang persekitaran dalamannya seperti suhu dan pengudaraan dapat dikawal. Sistem teknologi blok rantai atau *blockchain* juga diperkenalkan dalam industri burung walit, bagi meningkatkan kecekapan sistem daya jejak sarang burung walit (SBW).

Seterusnya, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) juga sentiasa meneroka teknik dan teknologi terkini untuk disesuaikan dan diaplikasikan kepada nelayan, penternak akuakultur dan usahawan perikanan. Antara teknologi yang diperkenalkan dalam bidang perikanan melalui kursus yang diadakan oleh DOF termasuklah sistem penentuan lokasi penangkapan ikan (FSI) untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup nelayan melalui peningkatan produktiviti dan pengurangan kos operasi, ternakan *superintensif* udang marin di dalam sistem kolam tertutup, sistem pintar dan tepat untuk ternakan ikan marin dan pengesanan awal penyakit ikan di lapangan ternakan melalui *artificial intelligence*.

Kapasiti penyelidikan juga ditingkatkan MARDI dalam usaha untuk meningkatkan tahap penggunaan teknologi dalam kalangan peladang, penternak dan petani melalui lima teras penyelidikan utama iaitu padi, buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan serta pertanian moden dan pintar. Sebagai contoh, MARDI berjaya menghasilkan lima jenis varieti padi dengan pakej pengeluaran, penghasilan baja Bio N-Fixer dan model berkomputer untuk penggunaan Baja Tepat Padi (RiceFERT). Dari segi teknologi, MARDI juga telah membangunkan kilang tanaman dan juga sistem agro robotik tanaman. Selain itu, MARDI juga bekerjasama dengan syarikat telekomunikasi MAXIS dalam pembangunan kit pertanian pintar iaitu inisiatif *Narrow Band Internet of Things* (NB-IoT) bagi pemantauan persekitaran, pengairan dan kelembapan tanah di bawah struktur lindungan hujan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR MOHD.  
TAHIR [TEMERLOH]**

**SOALAN**

**DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR MOHD. TAHIR [TEMERLOH]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status kemiskinan tegar dan golongan B40 yang amat terkesan akibat COVID-19 dan inisiatif Kerajaan (selain dari Bantuan Sara Hidup (BSH)) untuk golongan ini bangkit aktif dalam kegiatan ekonomi.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan Malaysia 2020, kemiskinan tegar telah meningkat daripada 0.4% (27.2 ribu isi rumah) pada tahun 2019 kepada 1.0% (78 ribu isi rumah) pada tahun 2020. Buat masa ini, Kerajaan masih menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) tahun 2019. Miskin tegar merujuk kepada isi rumah berpendapatan di bawah PGK Makanan iaitu RM1,169 sebulan. PGK ini akan dikemas kini berdasarkan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Bekalan Asas yang akan dilaksanakan pada tahun 2022.

2. Melalui Bajet 2022 yang telah dibentangkan pada 29 Oktober 2021, Kerajaan akan melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan pendapatan Keluarga Malaysia, di antaranya:

- i. Menjamin penyediaan 600 ribu peluang pekerjaan dengan peruntukan berjumlah RM4.8 bilion ringgit di bawah inisiatif Jamin Kerja Keluarga Malaysia (atau JaminKerja);
- ii. Inisiatif insentif penggajian JaminKerja dengan sasaran 300 ribu orang dan peruntukan RM2 bilion; dan
- iii. Pembiayaan kredit mikro bernilai hampir RM1.8 bilion akan disediakan melalui pelbagai agensi seperti TEKUN, Agrobank, BSN, Bank Rakyat dan Bank Negara Malaysia untuk membantu peniaga kecil dan sektor informal.

3. Bagi strategi jangka sederhana dan panjang Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), 2021-2025 Kerajaan akan meneruskan dasar dan strategi untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli serta kesejahteraan rakyat terutamanya isi rumah miskin dalam kalangan B40 di bandar dan luar bandar. Strategi ini termasuk menyediakan:

- i. Program peningkatan pendapatan serta peningkatan keupayaan contohnya Skim Kesejahteraan Rakyat dan Program Ekonomi Komuniti Bandar B40;
- ii. Menambah baik akses kepada keperluan asas termasuk pendidikan, kesihatan dan perumahan;
- iii. menggalakkan keusahawanan dan akses kepada pembiayaan kewangan serta menyediakan kemudahan pembiayaan mikro seperti TEKUN; dan
- iv. meningkatkan sistem perlindungan sosial seperti Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40).

4. Di samping itu, untuk mencapai sasaran miskin tegar sifar pada 2025, usaha-usaha pembasmian kemiskinan tegar akan dilaksanakan secara bersepadu dengan pendekatan baharu dan holistik yang diterajui bersama oleh EPU dan ICU, JPM. Program ini akan dilaksanakan secara berfasa. Cadangan jadual pelaksanaan bagi Fasa 1 adalah seperti berikut:

- **Pertengahan bulan Disember 2021:** Senarai kira-kira 50 lokaliti di seluruh negara akan dikenal pasti oleh ICU;
- **Penghujung tahun 2021:** Senarai lokaliti akan diverifikasi dengan kerjasama kerajaan negeri;
- **Januari 2022:** Program dan strategi akan dirangka berdasarkan keperluan mengikut kesesuaian lokaliti masing-masing;
- **Februari 2022:** Pembentangan strategi dan program pembasmian kemiskinan tegar Fasa Pertama kepada Jemaah Menteri; dan
- **Mac 2022:** Pelaksanaan program bagi Fasa Pertama 50 lokaliti di seluruh negara akan bermula.

5. Pelaksanaan pendekatan baharu ini akan dipantau setiap 3 bulan bagi memastikan intervensi yang berkesan sekiranya pencapaiannya kurang memuaskan. Selain daripada 50 lokaliti yang terpilih ini, program sedia ada bagi kelompok dan keluarga miskin lain di seluruh negara akan diteruskan.

6. Kerajaan yakin, inisiatif di bawah Bajet 2022, strategi serta pemacu perubahan yang dilaksanakan dalam RMKe-12 akan dapat membantu golongan miskin tegar ini untuk meningkatkan pendapatan mereka secara mampan dan keluar daripada kelompok kemiskinan tegar.

Sekian, terima kasih.